

Headline	Bumiputera disaran rebut peluang		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	28 Nov 2016	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Ekonomi	Page No	20
ArticleSize	568 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 33,678		



# Bumiputera disaran rebut peluang

Oleh **ZUNAIDAH ZAINON**

ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 27 NOV.

**S**YARIKAT-SYARIKAT bumiputera yang tersenarai di Bursa Malaysia boleh mengambil peluang dengan meyakinkan Permodalan Nasional Berhad (PNB) supaya melabur dalam syarikat mereka apabila pengurus dana terbesar negara itu mahu mengurangkan pegangan tunai bernilai RM50 bilion atau kira-kira 20 peratus daripada kelas aset yang dimilikinya.

Penganalisis ekonomi Putra Business School Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Ahmed Razman Abdul Latiff berkata, syarikat bumiputera bagaimanapun perlu berusaha untuk berada dalam Skim Penyelidikan Syarikat Tersenarai Modal Sederhana dan Kecil melibatkan 300 syarikat berpotensi seperti diumumkan pada Bajet 2017 untuk menerima pelaburan daripada syarikat berkaitan kerajaan seperti PNB.

Katanya, langkah itu amat bersesuaian memandangkan situasi ringgit yang lemah buat masa ini dan PNB perlu memperkukuhkan pelaburan di dalam negara yang masih lagi berpotensi memberikan pulangan setimpal.

"Adalah penting bagi PNB untuk mempelbagaikan portfolio pelaburan dalam usaha mengurangkan kebergantungan pulangan ke atas pelaburan tertentu sahaja seperti simpanan tetap, hartanah tempatan atau ekuiti

syarikat tempatan.

"Sebagai contoh, potensi pulangan pelaburan yang rendah

apabila ringgit merudum sebenarnya mampu diatasi jika PNB mempunyai banyak aset luar negara yang boleh dijual dan hasilnya dibawa ke dalam negeri," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Khamis lalu, PNB membentangkan Pelan Strategik 2017-2020 atau dikenali sebagai Program PNB STRIVE-15 yang mengandungi 15 inisiatif utama di bawah tiga tunjang iaitu meningkatkan pulangan mapan, perurusan pelaburan yang efektif dan kecemerlangan operasi.

Buat masa ini, PNB hanya memiliki dua peratus pelaburan di luar negara manakala 98 peratus dalam syarikat-syarikat di Malaysia dengan pelaburan berjumlah RM260 bilion.

Antara syarikat strategik kumpulan PNB termasuklah Malayan Banking Berhad (Maybank), Sime Darby Berhad (Sime Darby), UMW

Holdings Berhad (UMW), SP Setia Berhad (SP Setia), Chemical Company of Malaysia Berhad (CCM) dan MNRB Holdings Berhad (MNRB) manakala syarikat teras yang lain seperti Axiata Berhad (Axiata), Tenaga Nasional Berhad (TNB), CIMB Holdings Berhad

(CIMB), Maxis Berhad (Maxis) dan Telekom Malaysia Berhad (TM).

Di bawah strategi baharu itu, PNB menyasarkan untuk meningkatkan aset di bawah pengurusan (AUM) sebanyak RM350 bilion menjelang 2022. Sejak ditubuhkan 38 tahun lalu, PNB hanya menguruskan aset bernilai RM3.5 bilion.

Mengenai aset tunai sebanyak 20 peratus, Abdul Wahid berkata, PNB juga sedang mencari peluang untuk membuat pelaburan dalam saham dan pelaburan lain pada masa yang bersesuaian dan kemungkinan memberi keutamaan pada ekuiti swasta atau syarikat tidak tersenarai memandangkan pelaburan ekuiti swasta mampu memberi pulangan hasil tahunan kira-kira 12 peratus.

Dalam tempoh lima tahun lalu, dana unit amanah PNB telah mengatasi pasaran sebanyak satu dan dua peratus, manakala dari segi pulangan lima tahun, anak syarikat milik PNB, Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) merekodkan hasil 7.57 peratus berbanding Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), 6.33 peratus.

Sementara itu, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PNB, Datuk Abdul Rahman Ahmad berkata, bagi merangsang prestasi ekuiti awam, PNB akan mengubah prestasi syarikat strategik dan teras melalui inisiatif mewujudkan nilai dengan pendekatan yang lebih proaktif.

Headline	Bumiputera disaran rebut peluang		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	28 Nov 2016	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Ekonomi	Page No	20
ArticleSize	568 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 33,678		



Syarikat bumiputera bagaimanapun perlu berusaha untuk berada dalam Skim Penyelidikan

Syarikat Tersenarai Modal Sederhana dan Kecil.”

**AHMED RAZMAN ABDUL LATIFF**  
Penganalisis ekonomi Putra Business School UPM



Headline	Bumiputera disaran rebut peluang		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	28 Nov 2016	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Ekonomi	Page No	20
ArticleSize	568 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 33,678		

